

Nama dasar	Dasar Kumpulan Mengenai Pemberian Maklumat (<i>Whistleblowing</i>)
Penerapan	Pengarah, pekerja, rakan niaga, kontraktor dan ejen (including their family members atau representatives) kumpulan syarikat Pertama Digital Berhad (“Kumpulan”)
Tarikh kelulusan	Diluluskan oleh lembaga pengarah Pertama Digital Berhad pada 21 Oktober 2020
Tarikh kuatkuasa	Dari tarikh kelulusan
Tarikh pindaan terkini	12 Oktober 2020

A) Apakah tujuan dasar ini?

- Mengalu-alukan pemberian maklumat demi mempertahankan integriti, keterbukaan dan pematuhan terhadap piawai tatalaku mengikut undang-undang dan etika dalam Kumpulan ini.
- Menerangkan cara memberi maklumat sedemikian.
- Menjamin perlindungan buat pemberi maklumat (*whistleblowers*).
- Menjelaskan azam Kumpulan ini untuk menyiasat dan menangani salah laku yang dilaporkan.

B) Apakah pemberian maklumat (*whistleblowing*) yang dimaksudkan?

Whistleblowing ialah pemberian maklumat kepada pihak yang wajar sepetimana dinyatakan dalam dasar ini, mengenai salah laku yang membahayakan Kumpulan ini.

C) Apakah perkara pemberian maklumat itu?

Sebarang salah laku oleh pengarah, pekerja, rakan niaga, kontraktor, ejen dan pelanggan Kumpulan ini yang boleh membahayakan Kumpulan ini, termasuk yang berlaku sebelum tarikh dasar ini, seperti:

- penyalahgunaan dana, harta atau maklumat milik Kumpulan ini.
- tindakan melampaui batas kuasa, termasuk memalsukan dokumen Kumpulan ini atau tandatangan pihak berwenang Kumpulan ini.
- penyorokan atau penzahiran maklumat secara tidak sah sehingga menjelaskan Kumpulan ini.
- penganiayaan atau kekerasan terhadap pekerja, kontraktor, ejen, pelanggan atau pegawai kerajaan.
- pembulian, amang seksual atau penyalahgunaan kuasa/jawatan.
- diskriminasi kaum, agama, jantina atau kebolehan mental/fizikal.
- amalan jualan yang tidak beretika cth: salah nyata atau pemerasan.
- pengabaian tugas cth: tidur semasa waktu bertugas, penyalahgunaan hak istimewa yang dikurniakan oleh syarikat, pelencongan peluang perniagaan daripada Kumpulan ini; dll.
- mengambil kesempatan atas konflik kepentingan sehingga menjelaskan Kumpulan ini.
- tindakan yang boleh menimbulkan fitnah melibatkan Kumpulan ini atau memalukannya.
- penghinaan terhadap Kumpulan ini yang dibuat secara awam.
- kecuian atau tindakan melulu yang boleh membawa maut, mencederakan orang atau merosakkan harta benda.
- pengingkaran dasar atau kod tatalaku Kumpulan ini.
- pengingkaran undang-undang termasuk mencuri, fraud, rasuah, dll.

D) Siapakah yang boleh memberi maklumat?

Pengarah dan pekerja Kumpulan ini dan pihak luar (bakal rakan niaga atau rakan niaga sedia ada, kontraktor, ejen dan pelanggan Kumpulan ini, pegawai kerajaan dan orang awam) yakni **sesiapa sahaja dialu-alukan untuk memberi maklumat mengenai salah laku yang membahayakan Kumpulan ini**.

Malah, pengarah dan pekerja Kumpulan ini yang tahu akan salah laku tersebut **berkewajipan** untuk memberi maklumat mengenainya.

E) Bagaimanakah layanan terhadap pemberi maklumat?

Kumpulan ini hendaklah menyantuni pemberi maklumat yang sah dengan cara bertimbang rasa, hormat-menghormati dan saksama. Kumpulan ini menjamin perlindungan berikut buat pemberi maklumat yang sah:

- **Perlindungan daripada terdedah.**

Kumpulan ini hendaklah betul-betul menjaga kerahsiaan perihal pemberi maklumat dan menzahirkan maklumat yang perlu sahaja kepada para penyiasat yang diberi kuasa oleh Kumpulan ini dan pihak berkuasa berkenaan. Maklumat tentang pemberi maklumat itu sendiri tidak akan dizahirkan kepada para penyiasat dan pihak berkuasa itu kecuali jika dikehendaki di sisi undang-undang untuk menangani salah laku itu (cth: jika pemberi maklumat itu dikehendaki menjadi saksi di mahkamah); namun, dalam keadaan tersebut, Kumpulan ini mestilah memberitahu pemberi maklumat itu terlebih dahulu.

- **Perlindungan daripada balas dendam.**

Pengarah atau pekerja Kumpulan ini dilarang sama sekali daripada mengambil apa-apa tindakan yang menjelaskan jawatan atau pekerjaan pemberi maklumat itu (cth: diketepikan (*transfer to cold storage*), diturun pangkat, digantung kerja, dibuang kerja, dll.), atau yang bersifat diskriminasi terhadapnya semata-mata kerana beliau telah tampil ke depan untuk memberi maklumat itu. Sebarang balas dendam sedemikian akan dikenakan tindakan tatatertib termasuk pembuangan kerja.

Jaminan tersebut tidak diberi kepada pemberi maklumat yang:

- membuat aduan secara melulu atau berniat jahat cth: apabila pemberi maklumat itu mengetahui bahawa aduannya adalah palsu atau dia telah melakukan kesalahan lain bawah Akta Perlindungan Pemberi Maklumat 2010.
- membuat aduan semata-mata untuk mengelak daripada dibuang kerja atau tindakan tatatertib yang lain.
- turut sama dalam salah laku yang dilaporkan itu.

Jaminan dan pengecualian tersebut juga terpakai atas saksi yang bekerjasama dalam laporan dan siasatan salah laku itu.

F) Bagaimanakah cara untuk memberi maklumat?

Kumpulan mengalu-alukan pemberian maklumat salah laku, selari dengan usahanya mempertahankan integriti, keterbukaan dan pematuhan terhadap piawai tatalaku mengikut undang-undang dan etika. Berikut adalah 3 langkah mudah untuk memberi maklumat:

1. Pastikan asas yang betul.

Meskipun bukti kukuh tidak diperlukan untuk membuat aduan, aduan itu mestilah berasaskan **kepercayaan yang munasabah dan suci hati**, bukannya spekulasi atau khabar angin. Pemberi maklumat disarankan agar tidak cuba untuk menyiasat sendiri.

2. Laporkan secara bertulis.

Simpan secara bertulis sebanyak mungkin perihal tentang perkara yang ingin dilaporkan (cth: waktu, pihak yang terbabit, tempat dan peristiwa yang diketahui; dokumen sokongan termasuk gambar jika ada; penjelasan tentang sebarang ketakutan atau kekhawatiran; dll.), sekurang-kurangnya cukup untuk membolehkan penyiasatan dan tindakan. Tiada format khusus untuk laporan itu.

Salurkan laporan bertulis itu kepada Ketua Pegawai Eksekutif syarikat yang berkenaan dalam Kumpulan ini. Jika hal itu membabitkan Ketua Pegawai Eksekutif itu, laporan bertulis itu boleh disalurkan kepada lembaga pengarah pula.

Anda disarankan agar memberikan maklumat perhubungan anda dalam laporan itu. Walaupun anda boleh menyalurkan laporan itu tanpa nama, namun cara itu akan menyebabkan laporan itu kurang dipercayai dan menyukarkan siasatan.

3. Bekerjasama dalam siasatan.

Berikan sebanyak mungkin maklumat dan bantuan kepada para penyiasat yang diberi kuasa oleh Kumpulan ini dan kepada pihak berkuasa berkenaan. Seseorang pemberi maklumat itu tidak dikehendaki untuk membuktikan kebenaran laporannya; memadai jika aduannya itu berdasarkan kepercayaan yang munasabah dan suci hati.

G) Apakah yang akan berlaku selepas maklumat diberi?

Jika laporan salah laku yang diterima oleh Kumpulan ini mengandungi butir-butiran yang cukup untuk membolehkan siasatan, Ketua Pegawai Eksekutif atau lembaga pengarah, mengikut mana-mana yang sesuai, hendaklah:

1. Segera melantik penyiasat atau jawatankuasa siasatan yang tidak melebihi 3 orang, yang dapat bertindak secara saksama semasa menyiasat laporan salah laku itu atau semasa mecadangkan tindakan selepas siasatan selesai. Para penyiasat itu mestilah diberi hak untuk membaca laporan salah laku itu.
2. Memastikan bahawa para penyiasat:
 - a) merakamkan gerak kerja dan hasil siasatan (cth: perihal orang dan dokumen yang disiasat; minit soal siasat dan mesyuarat dengan pemberi maklumat, orang kena tuduh dan saksi; alasan untuk menolak sebarang bahan keterangan; dll.).
 - b) mengendalikan siasatan secara tegas tetapi adil, tanpa mengambil kira jawatan yang dipegang orang yang disiasat dalam Kumpulan ini dan atas dasar ‘tidak bersalah sehingga dibuktikan sebaliknya’. Para penyiasat mestilah menjunjung jaminan perlindungan dalam dasar ini buat pemberi maklumat dan saksi.
 - c) segera menyerahkan hasil siasatan dan cadangan kepada Ketua Pegawai Eksekutif atau lembaga pengarah, mengikut mana-mana yang sesuai.
3. Membincangkan hasil siasatan dan cadangan para penyiasat untuk memutuskan tindakan yang perlu diambil.

Jika salah laku itu bersifat jenayah, Kumpulan ini hendaklah melaporkan perkara itu kepada pihak berkuasa berkenaan dan bekerjasama dalam siasatan mereka.

H) Bagaimanakah dasar ini diumumkan?

Dasar ini diedarkan kepada semua pengarah dan pekerja dalam Kumpulan ini. Taklimat diadakan sekurang-kurangnya sekali dalam setahun kalender selain taklimat tambahan apabila dikehendaki. Apabila perlu, pekerja berkenaan mestilah menyampaikan dasar ini kepada pihak luar yang berurusan dengannya.

Sebarang pertanyaan tentang dasar ini boleh dirujuk kepada Pengarah, Perkhidmatan Korporat Kumpulan.

I) Bagaimanakah dasar ini dikuatkuasakan?

Pengarah, pekerja, rakan niaga, kontraktor dan ejen Kumpulan ini **berkewajipan untuk melaporkan secara bertulis sebarang pengingkaran dasar ini** kepada Ketua Pegawai Eksekutif Pertama Digital Berhad. Sekiranya pengingkaran itu melibatkan Ketua Pegawai Eksekutif itu, laporan bertulis itu boleh disalurkan kepada lembaga pengarah.

Laporan sedemikian boleh bersifat tanpa nama tetapi hendaklah memuatkan sebanyak maklumat yang mungkin untuk membolehkan siasatan dan tindakan. Pemberi maklumat yang sah akan dilindungi daripada pendedahan dan balas dendam menurut dasar ini.

Pengingkaran dasar ini oleh mana-mana pengarah atau pekerja Kumpulan ini atau mana-mana pihak luar yang berurusan dengan mereka, akan dilaporkan kepada pihak berkuasa. Pengarah atau pekerja Kumpulan ini akan dikenakan tindakan tatatertib termasuk pembuangan kerja manakala pihak luar boleh disenaraihitamkan (dihalang daripada berurusan dengan Kumpulan ini) dan kontrak mereka dengan Kumpulan ini boleh ditamatkan.

J) Bagaimakah dasar ini disemak semula?

Dasar ini akan disemak semula dari semasa ke semasa (sekurang-kurangnya setiap 3 tahun) demi memastikan keberkesanannya dalam keadaan terkini. Dasar ini boleh dipinda dari semasa ke semasa dengan kelulusan Ketua Pegawai Eksekutif Pertama Digital Berhad, dan terus diterapkan dalam Kumpulan ini.

TAMAT